



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556  
Faks : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
Portal : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook : [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42  
( 95 )

Tarikh : 2 Januari 2014

## **SIARAN MEDIA**

### ***BUSKERS CORNER* LESTARI KESEJAHTERAAN BANDAR**

**BANDAR HILIR MELAKA, 2 FEBRUARI 2014-** Aktiviti *Busking* dilihat oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebagai aktiviti yang boleh dikembangkan secara sihat bagi mewujudkan suasana sejahtera di bandar.

2. Setakat hari ini, tiada atau kurang platform yang sistematik dengan kemudahan yang lengkap diwujudkan kepada golongan buskers yang ingin mengadakan persembahan mereka terutamanya di kawasan bandar-bandar utama di negara ini.

3. Dataran Sungai Melaka telah dipilih sebagai *Buskers Corner (BC)* yang pertama di Malaysia atau *Pilot Project* ini akan dilancarkan oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada petang ini dengan objektif :

- platform kepada warga tempatan khususnya golongan belia untuk mengembangkan bakat seni mereka secara langsung kepada masyarakat;
- memperkenalkan BC kepada warga seni di bandar sebagai salah satu bentuk platform seni baharu bagi mengembangkan seni mereka secara sistematik dan berkesan
- mewar-warkan Program BC kepada masyarakat tempatan oleh KPKT;
- membantu dalam menyumbang kepada pewujudan 'livable city' di seluruh negara melalui aktiviti seni jalanan.

4. Selain Dataran Sungai Melaka, lokasi *Buskers Corner* lain di Melaka adalah

- Taman Bunga Merdeka
- Taman Rekreasi Jonker Walk
- Bangunan Rumah Merah
- Kincir Air

5. *Buskers Corner (BC)* tidak terhenti di Melaka sahaja, malahan KPKT dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan memperluaskannya ke negeri-negeri berikut:

Bil	Lokasi	PBT	Bil. Spot
1	Melaka	MBMB	5
2	Kuantan, Pahang	MPK	1
3	Port Dickson, Negeri Sembilan	MPPD	3
4	Ipoh, Perak	MBI	1
5	Johor Bahru, Johor	MJB	3
6	Shah Alam, Selangor	MBSA	1
7	Petaling Jaya, Selangor	MBPJ	1
8	Kuching, Sarawak	DBKU	1
9	Kota Bahru, Kelantan	MPKB	1
10	Kota Kinabalu, Sabah	DBKK	1

6. Majlis pada petang ini diserikan dengan kehadiran Y.A.B. Ketua Menteri Melaka, Ketua Setiausaha KPKT, Ketua-Ketua Jabatan KPKT dan Kerajaan Negeri Melaka.

---

*-Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat sembilan 9) Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Jabatan Landskap Landskap Negara, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)